

24 MAY 2000

Ling-Kong Choy

KENYATAAN LING TIDAK DAPAT DITERIMA, KATA CHAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Naib Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy hari ini berkata, beliau tidak dapat menerima kenyataan yang Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meletakkan jawatan Menteri Pengangkutan bagi memberi peluang kepadanya untuk memegang jawatan itu.

"Saya merasa terkejut dan sukar menerima kenyataan itu kerana sejak dahulu sehingga sekarang saya tidak pernah meminta sesiapa meletakkan jawatan sebagai menteri bagi membolehkan saya mengambil-alih jawatan itu," katanya pada persidangan media di Kementerian Kewangan di sini.

Semalam, Dr Ling, yang juga Presiden MCA, berkata keputusannya untuk meletakkan jawatan Kabinet itu ialah untuk memberi peluang kepada orang lain mengisi kekosongan jawatan itu.

Dr Ling juga berkata beliau akan mencadangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar Chan menggantinya sebagai Menteri Pengangkutan.

Bagaimanapun selepas menghadiri mesyuarat Kabinet hari ini, Dr Ling memberitahu para wartawan bahawa beliau akan membuat keputusan muktamad mengenai kedudukannya selepas pulang daripada bercuti selama dua minggu.

Pada persidangan media itu yang diadakan sebelum kenyataan Dr Ling hari ini, Chan mengulangi rayuan agar Dr Ling menarik balik keputusannya itu.

Chan mengakui pernah mengadakan perbincangan dengan Dr Ling selepas pilihanraya lalu dan selepas barisan Kabinet diumumkan bagi meluahkan perasaannya serta membincangkan beberapa perkara berkaitan peranannya dalam parti dan kerajaan.

"Dalam perbincangan itu saya tidak pernah meminta Dr Ling melakukan pengorbanan bagi membolehkan saya menjawat jawatan Menteri Pengangkutan," kata Chan, yang juga Timbalan Menteri Kewangan dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Pahang.

Selain itu, katanya perbincangan beliau dengan beberapa pemimpin veteran MCA baru-baru ini hanya tertumpu kepada mencari formula menyelesaikan masalah dalaman parti dan bukan meminta Presiden parti mengosongkan jawatan Kabinet.

-- BERNAMA

AKT PR